

**NO. SOALAN: 3**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN (MQT)**

**DARIPADA : TUAN WONG HON WAI [ BUKIT BENDERA ]**

**TARIKH : 27 OGOS 2020 (RABU)**

**SOALAN NO. 3**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah sebabnya perkhidmatan feri di Pulau Pinang terhenti dan apakah usaha jangka pendek untuk menyambung perkhidmatan feri dan pelan jangka panjang untuk naik taraf perkhidmatan feri Pulau Pinang.

**JAWAPAN:**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan sedia maklum dan telah mengenal pasti masalah tergендalanya perkhidmatan feri Pulau Pinang baru-baru ini. Ianya adalah berpunca daripada berlakunya masalah teknikal pada enjin salah satu feri (iaitu Feri Pulau Undan) yang beroperasi di Pulau Pinang.
2. Ketika ini, operasi perkhidmatan feri Pulau Pinang hanya melibatkan feri Pulau Angsa daripada Pangkalan Raja Tun Uda ke Pangkalan Sultan Abdul Halim bagi perjalanan pergi dan balik, yang mana mula beroperasi pada jam 6.00 pagi dan tamat pada jam 12.00 tengah malam.
3. Dalam usaha mengatasi isu tersebut, pihak RapidFerry telah menyediakan perkhidmatan bas percuma untuk pejalan kaki yang mana sebanyak 5 buah bas telah beroperasi bermula dari 5.20 pagi hingga 11.00 malam dan akan terus beroperasi sehingga feri kedua iaitu Pulau Undan dapat beroperasi semula yang dijangka pada hari Jumaat, 28 Ogos 2020.
4. Kementerian akan mengadakan perbincangan lanjut bersama dengan YAB Ketua Menteri pada 27 Ogos 2020 iaitu hari ini berkaitan isu ini dalam usaha untuk memastikan perkhidmatan feri Pulau Pinang tersebut terus beroperasi memandangkan perkhidmatan feri merupakan antara *mode* penting dalam rangkaian pengangkutan awam negeri Pulau Pinang.

**NO. SOALAN: 3**

5. Kementerian akan sentiasa komited dalam memastikan perkhidmatan pengangkutan awam berada dalam tahap yang memuaskan dan sentiasa dipertingkatkan mutu perkhidmatannya dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.